



**APPGM-SDG**  
DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



PERSATUAN PROMOSI  
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI  
PPM-023-14-07012020



# LAPORAN AWAL

## Dasar SDG Peringkat Parlimen APPGM – SDG



**KEMISKINAN  
(SARAWAK)**

# Senarai Kehadiran

## **AHLI-AHLI PARLIMEN (PENGERUSI BERSAMA)**

YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy (P169 - Kota Belud)

YB Tuan Rushdan bin Rusmi (P001 - Padang Besar)

YB Mordi anak Bimol (P192 - Mas Gading)

YB Senator Susan Chemerai Anding (Ahli Dewan Negara)

## **AHLI-AHLI PARLIMEN YANG HADIR**

YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan (P042- Tasek Gelugor)

YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas (P154 - Mersing)

YB Dr. Hajah Halimah Ali (P109 - Kapar)

YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid (P048 - Bukit Bendera)

YB Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor (P088 - Temerloh)

YB Dr. Siti Mastura binti Muhammad (P041 - Kepala Batas)

YB Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (P112 - Kuala Langat)

YB Dr. Haji Abd Ghani bin Ahamd (P005 - Jerlun)

YB Datuk Ali anak Biju (P205 - Saratok)

YB Tuan Jamaludin (P073 - Pasir Salak)

YB Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shein (P209 - Julau)

YB Tuan Haji Mohd Hasnizan Harun (P094 - Hulu Selangor)

YB Tuan Edwin Anak Banta (P214 - Selangau)

YB Datuk Willie Anak Mongin (P198 - Puncak Borneo)

YB Dato' Anyi Ngau (P220 - Baram)

YB Puan Rodiyah Sapiee (P200 - Batang Sadong)

Dato' Sri Rohani Abdul Karim (Penasihat Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari (PPMPL))

## **PAKAR-PAKAR BIDANG**

Dr. Jain Yassin (*UiTM Sabah*)

Dr. Teo Sue Ann (*MySDG Center for Social Inclusion, APPGM-SDG*)

Dr. Teo Lee Ken (*MySDG Center for Social Inclusion, APPGM-SDG*)

Dr. Khairil Izamin bin Ahmad (*MySDG Center for Social Inclusion, APPGM-SDG*)

## **AHLI-AHLI KUMPULAN SIVIL**

Kon Onn Sein (*Yayasan Kajian dan Pembangunan Masyarakat*)

Dr. Lin Mui Kiang (*PROHAM*)

Dato Indrani Thuraisingham (*FOMCA*)

Jeffrey Phang (*PRISMA*)

Dr. Wan Puspa Melati (*PSSM*)

Nur Hannani (*URBANICE Malaysia*)

Dr. Wong Swee Kiong (*UNIMAS*)

Dr. Yuen Kok Leong (*Sarawak Development Institute (SDI)*)

Edmund Lau Chai Ming (*United Nations Development Programme (UNDP)*)

## PRAKATA

*YB Puan Isnaraissah Munirah Bt Majilis@Fakharudy*

*Pengerusi APPGM-SDG*

*Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria*

*Ketua Sekretariat APPGM-SDG*

Bagi pihak Jawatankuasa APPGM-SDG dan Sekretariat APPGM-SDG, prakata ini kami nukilkan bersama sempena pelancaran siri lapan Laporan Awal Dasar hasil daripada siri perbincangan kumpulan fokus dasar yang telah kami anjurkan bersama Ahli-ahli Parlimen dan pihak-pihak berkepentingan yang lain pada tahun ini. Aktiviti ini julung-julung kali dijalankan oleh APPGM-SDG dan merupakan langkah ke hadapan yang penting dalam proses advokasi dasar kami yang telah berlangsung sejak tahun 2020.

Antara tahun 2020 dan 2024, kami telah menggunakan **lima strategi** dalam usaha untuk membangunkan pendekatan advokasi dasar yang berasaskan bukti dan analisa yang berpandukan dapatan dari peringkat akar umbi.

**Strategi pertama** adalah untuk memetakan keperluan sosioekonomi tempatan.<sup>1</sup> Bagi tujuan ini, kami telah menjalankan perbincangan bersama Ahli-ahli Parlimen dan pegawai-pegawai dan agensi-agensinya daerah. Kami telah menjalankan kerja lapangan dan perbincangan kumpulan fokus bersama komuniti-komuniti setempat untuk tempoh tiga ke empat hari.<sup>2</sup> Melalui gerak kerja ini kami telah mengenal pasti masalah utama dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar berpandukan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030. Selepas kerja lapangan, penyelidik APPGM-SDG telah menyediakan satu laporan pemetaan bagi kawasan parlimen tersebut. Para penyelidik juga telah berkongsi laporan tersebut dengan Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensinya kerajaan untuk pengesahan mereka bagi isu-isu yang telah dikenal pasti.<sup>3</sup> Daripada laporan-laporan telah disediakan, kami telah menerbitkan laporan analisis situasi pada tahun 2022 dan 2023.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> APPGM SDG Annual Report 2022, Mapping local needs and field visits (page 23-24). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/2022%20-%20Laporan%20Tahunan%20APPGM-SDG.pdf>

<sup>2</sup> APPGM SDG Annual Report 2022, Mapping local needs and field visits (page 23-24). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/2022%20-%20Laporan%20Tahunan%20APPGM-SDG.pdf>

<sup>3</sup> Realiti Akar Umbi (jilid 1-5), [https://appgm-sdg.com/resource\\_library/](https://appgm-sdg.com/resource_library/)

<sup>4</sup> Three publications. (1) Localising SDGs and Local Issues (2022), (2) Localising SDGs and Grassroots Concerns of six vulnerable groups in Malaysia (2023) and (3) SDGs and Grassroots Realities: Seven community case studies in Malaysia (2023). [https://appgm-sdg.com/resource\\_library/](https://appgm-sdg.com/resource_library/)

**Strategi kedua** adalah menyediakan laporan semakan yang komprehensif untuk isu-isu yang telah dipetakan merentasi 85 kawasan parlimen (2020-2023).<sup>5</sup> Aktiviti ini telah dilaksanakan oleh Dr. Teo Sue Ann dan beliau telah mengkategorikan isu-isu tersebut kepada 26 isu-isu tematik<sup>6</sup> di bawah tajuk-tajuk ekonomi, sosial dan alam sekitar.

**Strategi ketiga** adalah menganjurkan lima siri Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar Parlimen APGM-SDG di Parlimen Malaysia di mana kami telah mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Parlimen untuk meneliti dapatan kami<sup>7</sup> berkenaan tema kemiskinan, kebajikan, keterjaminan makanan, alam sekitar dan tiada kewarganegaraan antara 29hb Februari dan 21 Mac 2024 bersempena dengan persidangan parlimen pertama. Kami telah menjemput Ahli-ahli Parlimen untuk mempengerusikan siri perbincangan tersebut diiringi oleh pembentangan isu yang dikendalikan oleh pegawai Sekretariat daripada MySDG Center for Social Inclusion (MySDG-CSI) dan dibantu oleh pakar-pakar bidang yang telah dilantik oleh pihak kami. Siri perbincangan tersebut telah mendapat sambutan yang baik daripada Ahli-ahli Parlimen.

**Strategi keempat** adalah mengadakan sesi dialog bersama Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi yang relevan. Pihak Sekretariat juga telah menganjurkan beberapa sesi pra-dialog bersama Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi secara berasingan untuk mendapatkan sokongan bagi proses perbincangan ini yang bertujuan untuk mencari persefahaman yang lebih baik dan solusi dasar dan legislatif bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit.

Dalam konteks ini, satu siri yang merangkumi lapan perbincangan kumpulan fokus telah dijalankan antara 2hb dan 18hb Julai 2024 semasa sesi persidangan parlimen. Lapan isu tematik yang telah dibincangkan adalah kemiskinan (Semenanjung, Sabah, Sarawak dan pulau-pulau kecil), kebajikan, keterjaminan makanan, alam sekitar dan tiada kewarganegaraan<sup>8</sup>. Kami telah menerima sokongan yang baik daripada agensi-agensi yang terlibat termasuk maklum balas terhadap keperluan dan kebimbangan yang telah

<sup>5</sup> APPGM SDG 2023 Annual Report, (pages 6-7). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/APPGM%20SDG%20Laporan%20Tahunan%202023-compressed.pdf>

<sup>6</sup> Thematic issues from qualitative findings (Page 39-50) <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/APPGM%20SDG%202023%20Annual%20Report-compressed.pdf>

<sup>7</sup> Five Kertas Persediaan Ringkasan Dasar (poverty, welfare, food security, environment and statelessness) was prepared by the MySDG Centre for Social Inclusion

<sup>8</sup> Membina Daya Tahan Daripada Penerima Manfaat Kepada Juara SDG. APPGM-SDG July 2024 Report <https://appgm-sdg.com/buletin-julai-2024/>

diketengahkan. Pihak Sekretariat juga telah menjalankan sesi perbincangan lanjut dengan Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensinya yang relevan.

**Strategi kelima** adalah menulis lapan Laporan Awal Dasar yang telah disebutkan di atas dan melancarkan laporan-laporan tersebut pada 15hb Oktober 2024 serta menganjurkan perbincangan lanjutan untuk memurnikan dokumen-dokumen tersebut. Pegawai-pegawai Sekretariat di MySDG-CSI telah bekerja keras untuk menyediakan analisis yang komprehensif di dalam kesemua laporan tersebut. Mereka telah berhubung secara rapat dengan Ahli-ahli Parlimen yang berkaitan dalam proses untuk meneliti kandungan laporan-laporan tersebut dan mengambil maklum balas Ahli-ahli Parlimen. Kami melihat laporan-laporan tersebut sebagai dokumen kerja (*working document*) yang masih memerlukan dialog berterusan dan penambahbaikan dari segi analisis dan cadangan-cadangan dasar.

Kami akan melengkapkan proses advokasi dasar ini pada masa yang terdekat dan mengetengahkan dapatan kami kepada kerajaan sebagai input terhadap proses rancangan dan penggubalan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13). Kami juga dalam proses untuk menyediakan dokumen *Voluntary Parliamentary Review* (VPR) bagi SDG (2020-2024) sebagai kajian bebas APPGM-SDG berkenaan penyetempatan agenda SDG di Malaysia. VPR ini akan tersedia menjelang sesi *High Level Political Forum on SDGs* yang akan dianjurkan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) di New York antara 14hb dan 24hb Julai 2025, di mana Malaysia akan membentangkan *Voluntary Nasional Review* (VNR) buat kali ketiga.

Di APPGM-SDG, kami menganggap bahawa perbincangan yang telah berlangsung dalam proses advokasi dasar dan juga lapan Laporan Awal Dasar kami sebagai sumbangan penting Ahli-ahli Parlimen di peringkat dasar yang makro, di samping usaha kami untuk menyetempatan SDG di peringkat mikro melalui projek-projek solusi mikro-SDG dan kebun komuniti.

Kami juga mengakui kepentingan kolaborasi secara pelbagai pihak antara Ahli-ahli Parlimen secara dwipartisan dan agensi-agensinya kerajaan di semua peringkat (persekutuan, negeri, daerah, dan kerajaan tempatan), ahli-ahli akademik, masyarakat sivil, sektor swasta serta masyarakat akar umbi. Proses konsultatif dan kolaboratif ini adalah sangat mustahak. Proses bawah ke atas (*bottom-up approach*) dari peringkat akar umbi ke peringkat lebih tinggi serta proses atas ke bawah (*top-down approach*) dari peringkat nasional ke peringkat bawah adalah kunci kepada penemuan penyelesaian yang mampan untuk isu-isu akar umbi yang kompleks.

Kami juga yakin bahawa perlu ada tekad politik (*political will*) dalam mencari konsensus untuk menangani kebimbangan masyarakat di peringkat akar umbi. Kita perlu membina konsensus dwipartisan dalam kita mencari penyelesaian untuk isu-isu yang berbangkit. APPGM-SDG menyediakan ruang bagi tujuan ini melalui penyertaan Ahli-ahli Parlimen daripada parti-parti kerajaan dan parti-parti pembangkang. Oleh kerana mereka adalah wakil pilihan rakyat, kita perlu membina sinergi dan kerjasama yang lebih erat di antara mereka melalui agenda SDG bagi memastikan tiada sesiapa atau komuniti yang ditinggalkan di Malaysia.

Kami ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam proses advokasi dasar kami ini, semua kakitangan Sekretariat terutamanya kakitangan MySDG-CSI, pakar-pakar bidang, dan semua agensi kerajaan yang telah menyertai sesi perbincangan dan memberikan maklum balas yang amat berharga.

Adalah menjadi harapan kami bahawa kita akan dapat melangkah lebih jauh ke depan melalui lapan siri Laporan Awal Dasar ini. Kami juga berharap laporan-laporan ini akan menjadi bahan rujukan dan analisis yang berguna kepada pembaca. Kami juga mengalu-alukan maklum balas dan cadangan daripada pembaca, yang boleh dipanjangkan kepada kakitangan Sekretariat.

## **KATA ALUAN**

*Yang Berhormat Rodiyah Sapiee*

*Ahli Parlimen P200 - Batang Sadong*

Sarawak, sebuah wilayah yang kaya dengan sumber asli dan merupakan antara penyumbang terbesar kepada ekonomi negara, ingin memastikan kadar kemiskinan sifar bagi wilayahnya dengan memperkenalkan dasar ekonomi jangka panjang yang lebih berkesan berlandaskan Strategi Pembangunan Pasca Covid-19 (PCDS 2030) terutamanya di kawasan luar bandar.

Dengan geografi yang luas dan mencabar, ianya merupakan satu kekangan bagi Kerajaan Sarawak dan juga Kerajaan Pusat untuk membawa pembangunan ekonomi ke luar bandar dan seterusnya membasmi kemiskinan. Saya menyokong langkah Kerajaan Sarawak untuk memastikan PCDS 2030 tepat kepada sasarannya, dengan mengorak satu langkah yang proaktif untuk mengkaji bagi mendapatkan data kemiskinan yang lebih komprehensif dan terkini. Kajian ini diambil bagi memastikan strategi dapat digubal dengan tepat dan berkesan untuk menangani isu berkaitan kemiskinan luar bandar.

Saya juga ingin menegaskan bahawa cabaran kemiskinan di Sarawak memerlukan pendekatan yang berbeza berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Kawasan luar bandar di Sarawak masih memerlukan banyak infrastruktur seperti jalan raya, bekalan elektrik, air bersih, sistem perbankan, dan lain-lain sebagai pemangkin pembangunan ekonomi luar bandar.

Kerajaan Pusat juga dilihat memberi kerjasama dan dorongan kepada Kerajaan Sarawak dengan mengeluarkan kertas laporan Dasar Parlimen APPGM-SDG bertemakan Kemiskinan di Sabah, Sarawak, Semenanjung dan Pulau-pulau Kecil sebagai satu garis panduan untuk merangka strategi-strategi untuk menoktahkan kemiskinan.

Dari itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tan Sri Yang di-Pertua Dewan Rakyat atas sokongan penuh yang diberikan kepada kami dalam usaha memartabatkan isu-isu berkaitan pembangunan dan kemiskinan. Saya juga tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai Parlimen dan agensi-agensi Kerajaan Sarawak yang sentiasa komited dalam membantu melancarkan tugas-tugas kami. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada YB Menteri Kewangan dan YB Menteri Ekonomi serta pegawai-pegawai yang telah menyokong dengan menyediakan peruntukan

**TEMA: KEMISKINAN (SARAWAK)**



dan memudahkan pelaksanaan inisiatif serta program pembangunan demi kesejahteraan rakyat.

Akhir kata, saya berharap kertas Laporan ini bukan sahaja memberi pencerahan mengenai isu-isu kemiskinan di Sarawak dan lain-lain wilayah tetapi juga menjadi panduan kepada kita semua dalam usaha untuk menangani isu ini secara menyeluruh. Saya percaya dengan komitmen dan usaha yang bersungguh-sungguh dari semua pihak, kita dapat mencapai matlamat untuk mewujudkan pembangunan yang lebih adil, inklusif, dan lestari di negara tercinta ini.

Sekian, terima kasih.

*15hb Oktober 2024  
Batang Sadong (P.200)  
Parlimen Malaysia*

## **KATA PENGENALAN**

*Dr. Teo Sue Ann*

*Pengarah MySDG Center for Social Inclusion, APPGM-SDG*

Sejak tahun 2020, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM-SDG) telah berusaha bertungkus-lumus untuk menyetempatan 17 Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di seluruh Malaysia. Hingga ke tahun 2023, para penyelidik APPGM-SDG telah memeta isu di 85 dari 222 kawasan parlimen di seluruh negara. Dengan isu-isu yang telah diperolehi, APPGM-SDG telah memulakan advokasi dasar SDG melalui *MySDG Centre for Social Inclusion* (MySDG-CSI).

Daripada isu-isu yang telah dipetakan, kami mendapati lima tema paling menonjol, iaitu kemiskinan, kebajikan, alam sekitar, keterjaminan makanan, dan tiada kewarganegaraan. Walaupun kami telah mengumpulkan data-data kualitatif untuk lima tema tersebut, kami mendapati bahawa isu-isu yang telah dicatatkan adalah berbeza apabila dianalisis secara mendalam disebabkan oleh: latar belakang komuniti yang berlainan; wilayah dan lokasi yang berbeza; kadang-kala juga disebabkan oleh hubungan politik; dan cara kehidupan komuniti tempatan yang berbeza. Namun, apabila kami menganalisa isu-isu ini daripada segi makro, kami telah mendapati bahawa terdapat suatu corak persamaan yang muncul daripada data-data tersebut.

Yang lagi pentingnya, adalah bahawa data-data yang telah dikumpulkan oleh para penyelidik APPGM-SDG adalah bersifat kualitatif. Melalui data-data ini, kami dapat menghayati isu-isu yang telah dialami oleh komuni-komuniti di akar umbi melalui perkongsian naratif mereka. Data-data kualitatif ini telah membolehkan kami untuk menelitikkan isu-isu tempatan secara makro dan mikro. Ini menjadi suatu dorongan yang penting untuk pihak kami bekerjasama dengan Ahli-ahli Parlimen dalam gerak kerja advokasi dasar APPGM-SDG.

Ahli-ahli Parlimen adalah wakil rakyat yang penting dan mereka yang sering berhadapan dengan komuniti-komuniti yang memerlukan bantuan. Dengan itu, siri perbincangan pertama yang telah dijalankan antara 29hb Februari dan 21 Mac 2024 dibuktikan penting tidak sahaja sebagai suatu peluang kepada Ahli-ahli Parlimen yang rentas parti politik berlainan untuk membincangkan isu-isu yang sedang dan telah berlaku di kawasan-kawasan parlimen masing-masing. Dalam sesi tersebut, mereka juga dapat mengetepikan agenda politik parti masing-masing dan mendapat kesedaran bahawa isu yang sama juga berlaku di kawasan-kawasan parlimen selain dari kawasan yang diwakili oleh mereka.

**TEMA:** KEMISKINAN (SARAWAK)

Daripada lima sesi perbincangan tersebut, terdapat tiga keputusan penting yang telah dipersetujui oleh para Ahli-ahli Parlimen yang hadir. Pertamanya, penyertaan daripada pihak kementerian kerajaan sebagai salah satu pihak berkepentingan dalam proses ini adalah diperlukan. Maklum balas daripada kementerian-kementerian yang bertanggungjawab untuk menyediakan dasar pembangunan negara adalah mustahak dalam perbincangan isu-isu tempatan di kawasan parlimen. Dengan itu, kami telah berusaha untuk menjemput dan mendapatkan penyertaan kementerian dalam sesi perbincangan kedua yang telah berlangsung antara 2hb dan 18hb Julai 2024.

Keputusan kedua yang telah dipersetujui oleh Ahli-ahli Parlimen adalah memisahkan tema kemiskinan yang dikatakan terlalu luas. Jikalau perbincangan diteruskan untuk sesi seterusnya dengan merangkumi semua kawasan di Malaysia, komuniti-komuniti yang tinggal di pulau-pulau kecil, keadaan kemiskinan di wilayah Sabah dan Sarawak masing-masing tidak akan mendapat tumpuan yang memadai dalam perbincangan tersebut. Justeru, bagi memastikan perbincangan yang lebih menyeluruh MySDG-CSI telah menjalankan sesi perbincangan di Sabah dan Sarawak masing-masing, bersama dengan Ahli-ahli Parlimen dan wakil kementerian di peringkat wilayah. Siri perbincangan tersebut telah berjaya dijalankan dengan sokongan dan kerjasama *Institute for Development Studies* (IDS) di Sabah, dan *Economic Planning Unit* di Sarawak.

Keputusan yang ketiga adalah supaya perbincangan bertema keterjaminan makanan dipisahkan kepada dua sesi yang bertumpu kepada pertanian dan penternakan sebagai satu sesi, serta perikanan sebagai satu sesi yang lain. Sebab untuk pemisahan ini adalah sama seperti untuk tema kemiskinan. Isu-isu yang diperolehi untuk kedua-dua lapangan tersebut adalah berbeza dan para Ahli Parlimen juga memberi tumpuan yang lebih mendalam untuk setiap tema rinci yang penting ini.

Secara keseluruhannya, proses advokasi ini dipimpin oleh penyertaan dan cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil Kementerian. Suatu pemerhatian yang signifikan adalah bahawa kedua-dua pihak yang berkepentingan ini telah bersetuju bahawa kerjasama yang erat adalah sangat penting untuk memastikan suatu bentuk institusi kerajaan yang kukuh demi mencapai bukan sahaja SDG 16 tetapi semua SDG yang lain yang saling berkait rapat.

Hasil daripada sesi-sesi perbincangan ini menjangkaui lebih daripada apa yang telah kami jangkakan. Satu pencapaian yang penting adalah penghasilan lapan Laporan Awal Dasar SDG yang bertemakan Kemiskinan di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Pulau-

pulau kecil, Kebajikan, Keterjaminan Makanan, Alam Sekitar dan Tiada Kewarganegaraan. Laporan-laporan awal ini akan menjadi teras kepada usaha advokasi dasar kami yang seterusnya pada tahun 2025 bagi menjalinkan kerjasama dengan lebih ramai pihak yang berkepentingan seperti kerajaan di peringkat wilayah, negeri dan daerah, masyarakat sivil (CSO), badan-badan pemikir dan ahli-ahli akademik. Di samping itu, menerusi siri perbincangan ini, kami telah berjaya menjalinkan kerjasama erat bersama dengan pelbagai kementerian.

Dengan itu, proses polisi advokasi MySDG-CSI telah berjaya mencapai objektifnya, iaitu mengukuhkan kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan dalam proses penyetempatan SDG melalui APPGM-SDG. Walaupun siri perbincangan ini berupa lambang kepada langkah permulaan dalam usaha advokasi dasar yang mampan, ia telah menyumbang kepada daya gerak Kerajaan Malaysia dalam usaha mencapai agenda SDG menjelang 2030.

# Kandungan

<b>RINGKASAN EKSEKUTIF .....</b>	<b>1</b>
<b>1. LATAR BELAKANG.....</b>	<b>3</b>
1.1 Realiti Kemiskinan di Sarawak.....	4
<b>2. PROSES PENYEDIAAN LAPORAN DASAR KEMISKINAN DI SARAWAK.....</b>	<b>5</b>
2.1 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Pertama, .....	5
29hb Februari 2024.....	5
2.2 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Kedua, 17hb Julai 2024 .....	6
2.3 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Ketiga,.....	7
2hb September 2024 .....	7
2.4 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Keempat,.....	8
2hb Oktober 2024 .....	8
<b>3. DAPATAN UTAMA: MAKLUM BALAS AGENSI KERAJAAN DAN</b>	
<b>AHLI-AHLI PARLIMEN.....</b>	<b>9</b>
3.1 Masalah Aksesibiliti (Luar Bandar Ke Bandar).....	10
3.2 Migrasi dari luar bandar ke bandar .....	10
3.3 Kemiskinan Disebabkan Sikap Dan Pemikiran.....	11
3.4 Isu Dokumentasi .....	12
<b>4. CADANGAN DASAR DAN JALAN KE DEPAN .....</b>	<b>12</b>
4.1 Galakan Inisiatif Ekonomi Koperatif.....	13
4.2 Inisiatif Untuk Mengurangkan Migrasi Luar Bandar Ke Bandar .....	13
4.3 Desentralisasi dalam Pengurusan Kewarganegaraan .....	14
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>15</b>
<b>LAMPIRAN 1: RANGKUMAN ISU-ISU UTAMA, MAKLUM BALAS, CADANGAN ...</b>	<b>16</b>
1.1 Isu-isu berkaitan Kemiskinan untuk Sesi FGD Pertama bersama Ahli-ahli Parlimen, .....	16
29hb Februari 2024.....	16
1.2 Maklum Balas Isu-isu berkaitan Kemiskinan di Sabah dan Sarawak untuk Sesi FGD .....	18
Kedua bersama Agensi-Agensi Kerajaan Persekutuan, 17hb Julai 2024 .....	18

1.3 Pengutamaan Isu-isu berkaitan Kemiskinan di Sarawak untuk Sesi FGD Ketiga (Atas Talian) bersama Ahli-ahli Parlimen Sarawak, 2hb September 2024 .....25

1.4 Pengutamaan Isu-isu dan Maklum Balas berkaitan Kemiskinan di Sarawak untuk Sesi FGD Keempat bersama Ahli Parlimen dan Senator Sarawak bersama Kementerian/Jabatan/Agensi Wilayah Sarawak, 2hb Oktober 2024 .....27

**LAMPIRAN 2: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR PERTAMA – 29hb Februari 2024..... 31**

**LAMPIRAN 3: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN KEMENTERIAN, JABATAN, AGENSI KERAJAAN UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KEDUA – 17hb Julai 2024..... 32**

**LAMPIRAN 4: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KETIGA – 2hb September 2024..... 33**

**LAMPIRAN 5: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN KEMENTERIAN, JABATAN, AGENSI KERAJAAN UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KETIGA –2hb Oktober 2024..... 33**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Sarawak adalah wilayah yang terbesar di Malaysia. Tidak dapat dinafikan bahawa Sarawak juga merupakan salah satu penyumbang terbesar kepada hasil negara. Namun, Sarawak kekal sebagai salah satu daripada empat negeri di Malaysia yang mencatatkan peratusan kemiskinan tegar yang lebih tinggi daripada purata nasional.

Proses penyediaan laporan awal dasar ini menggunakan pendekatan pelbagai hala - bawah ke atas (*bottom-up approach*) dan atas ke bawah (*top-down approach*), bermula daripada isu-isu yang dikenal pasti melalui kajian pemetaan isu APPGM-SDG bersama komuniti akar umbi dari tahun 2020-2023. Hasil kajian pemetaan isu ini telah dibawa kepada perbincangan dasar bertema bersama dengan Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil kementerian dan agensi kerajaan persekutuan dan wilayah. Tema kemiskinan di Sarawak merupakan salah satu tema yang penting dalam hasil kajian pemetaan isu ini.

Dalam sesi-sesi perbincangan tersebut, Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil kementerian yang hadir bersetuju bahawa cabaran utama untuk pembasmian kemiskinan di Sarawak adalah disebabkan oleh ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar, yang menyebabkan komuniti luar bandar terpinggir dari peluang ekonomi dan akses kepada pasaran. Selain itu, isu dokumentasi, fenomena migrasi, dan sikap bergantung kepada bantuan kerajaan juga menghalang usaha membasmi kemiskinan. Walaupun Sarawak kaya dengan sumber semula jadi, pengagihan kekayaan yang tidak adil masih wujud, dan terdapat keperluan untuk pembangunan kapasiti penduduk tempatan serta pelaksanaan program kerajaan yang lebih efektif.

Matlamat utama laporan awal dasar ini adalah untuk membangunkan strategi berkesan yang berlandaskan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Walaupun SDG 1, yang bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan pelbagai bentuk dan peringkat adalah asas kepada perbincangan untuk tema ini, isu-isu kemiskinan yang telah berbangkit dalam konteks Sarawak juga berhubung kait dengan matlamat SDG yang lain. Antaranya adalah SDG 2 ("Tiada kebuluran"), SDG 3 ("Kesihatan yang baik dan sejahtera"), SDG 4 ("Pendidikan berkualiti"), SDG 5 ("Kesaksamaan gender"), SDG 10 ("Mengurangkan ketidaksamarataan"), dan SDG 16 ("Keamanan, keadilan dan institusi yang kuat") terutamanya SDG 16.9 ("Menyediakan pengenalan yang sah untuk semua").

Cadangan-cadangan yang dikemukakan untuk memastikan pembangunan yang lebih adil dan inklusif di Sarawak termasuk galakan inisiatif ekonomi koperatif bagi pengeluar kecil dan

petani. Ini merangkumi pemasaran koperatif dan penubuhan pusat pengumpulan untuk meningkatkan akses pasaran serta pendapatan. Selain itu, kajian tentang punca migrasi dari luar bandar bertujuan untuk meningkatkan penyertaan penduduk tempatan dalam sektor 3D (kotor, bahaya dan sukar), sementara penglibatan belia dalam pelancongan berasaskan komuniti diharapkan dapat membuka peluang baru. Terdapat juga cadangan untuk desentralisasi pengurusan kewarganegaraan, yang bertujuan meningkatkan akses kepada hak dan tanggungjawab, serta mengurangkan kemiskinan dan ketidaksamaan.



## 1. LATAR BELAKANG

Menoktahkan kemiskinan telah menjadi antara matlamat utama di bawah Agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030 yang telah diasaskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN). Pembasmian kemiskinan dengan Matlamat 'Membasmi Semua Bentuk Kemiskinan Di Seluruh Dunia' telah diletakkan sebagai SDG 1 menjadikannya matlamat SDG yang kritikal dan berhubung kait dengan matlamat-matlamat yang lain.

Dalam konteks Malaysia, kaedah pengukuran kemiskinan biasanya berpandukan kaedah kemiskinan mutlak dengan menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) isi rumah. PGK terkini adalah berdasarkan nilai bagi tahun 2022, iaitu RM2,589 ke bawah (Mohd Zaky, 2023). Namun, kemiskinan tidak hanya diukur berdasarkan tahap pendapatan isi rumah sahaja. Kemiskinan juga diukur daripada segi kesejahteraan hidup seseorang yang meliputi aspek seperti kesihatan, pendidikan, pekerjaan dan lain-lain.

Usaha membasmi kemiskinan telah menjadi agenda utama negara sejak Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 1957 dan Malaysia ditubuhkan pada 1963. Ia merupakan teras utama dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1970. Bertitik tolak daripada itu, Malaysia telah berjaya mengurangkan kemiskinan dengan kadar yang memberangsangkan, iaitu daripada 52.4 peratus pada tahun 1970 kepada 3.8 peratus dalam tahun 2009. Usaha ini diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (2010-2015), yang telah menyasarkan untuk meningkatkan pendapatan purata bagi 40 peratus golongan isi rumah terendah daripada RM1440 pada tahun 2009 kepada RM2300. Manakala dalam Rancangan Malaysia Ke-12 fokus utama antaranya adalah untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi; membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang pendapatan; serta melonjakkan pembangunan Sabah, Sarawak dan negeri-negeri kurang membangun (Sinar Harian, 2021).

Namun begitu isu kemiskinan masih menjadi agenda utama negara dan Wilayah Sarawak khususnya. Kerangka Ekonomi MADANI meletakkan pembasmian kemiskinan sebagai salah satu matlamat utama, manakala kerajaan Sarawak bertekad untuk mengurangkan separuh jumlah penduduk miskin tegarnya menjelang 2026.<sup>9</sup> Oleh itu, sebagai usaha bersama untuk membantu dalam inisiatif pembasmian kemiskinan, kertas laporan ini merangkumkan proses advokasi dasar untuk isu-isu berkaitan kemiskinan di Semenanjung Malaysia yang telah dibawa kepada perhatian Ahli-ahli Parlimen Malaysia dan agensi-agensi kerajaan serta cadangan-cadangan untuk penambahbaikan dasar kerajaan hasil daripada libat urus antara

---

<sup>9</sup> <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/05/30/sarawak-usaha-kurang-50-kadar-miskin-tegar-menjelang-2026/>


pihak-pihak tersebut yang telah dimudahcarakan oleh Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia untuk Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG).

## 1.1 Realiti Kemiskinan di Sarawak

Berdasarkan jabatan perangkaan, Sarawak merekodkan kadar kemiskinan tegar sebanyak 0.4 peratus.<sup>10</sup> Walaupun, Sarawak ialah negeri ketiga paling kaya berdasarkan kiraan GDP per kapita, namun, kadar kemiskinan di Sarawak ialah ketiga tertinggi pada 10.8%, selepas Sabah (19.7%) dan Kelantan (13.2%) pada tahun 2023. Data ini menunjukkan bahawa meskipun Sarawak mempunyai sumber ekonomi yang signifikan, kekayaan tersebut tidak diagihkan secara sama rata di kalangan penduduknya.

Manakala jika merujuk kepada berdasarkan Indikator 1.4.1: Perkadaran penduduk yang tinggal dalam isi rumah dengan akses kepada perkhidmatan asas di bawah SDG 1 (rujuk *Rajah 1*) masih terdapat banyak kawasan (*berwarna merah*) di Sarawak yang tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan asas. Dengan keluasan 124,450 km persegi, hampir menyamai keluasan di Semenanjung (130,590 km persegi) penunjuk 1.4.1 ini menunjukkan bahawa masih banyak kawasan di Sarawak tidak mempunyai akses yang baik kepada perkhidmatan asas, terutama air bersih yang cukup, yang penting untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesihatan penduduk.

**Rajah 1: Indikator SDG 1.4.1 Malaysia**



Sumber: <https://sustainable-development-goals-sdsn.hub.arcgis.com>

<sup>10</sup> <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/07/1265527/empat-negeri-catat-kemiskinan-melebihi-paras-nasional-jadi-tumpuan>

Berdasarkan kajian penyelidikan APPGM-SDG, kemiskinan masih lagi merupakan isu utama yang disuarakan oleh akar umbi. Oleh itu, untuk merangka strategi yang berkesan, inklusif dan mampan perlu adanya perbincangan berfokus dengan pihak berkepentingan termasuk komuniti tempatan, agensi kerajaan, dan masyarakat sivil untuk membincangkan isu-isu berkaitan cabaran membasmi kemiskinan.

## 2. PROSES PENYEDIAAN LAPORAN DASAR KEMISKINAN DI SARAWAK

Proses penyediaan kertas laporan dasar kemiskinan ini berdasarkan hasil beberapa siri Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) bersama pihak berkepentingan. Sesi ini dihadiri oleh Ahli-ahli parlimen daripada blok kerajaan dan pembangkang, sejajar dengan prinsip utama APPGM-SDG (Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia untuk Matlamat Pembangunan Lestari), iaitu prinsip dwi-partisan yang menitikberatkan penyertaan wakil-wakil rakyat daripada parti-parti politik yang berlainan. Selain itu, sesi dihadiri oleh wakil daripada kementerian Kerajaan Persekutuan dan Wilayah Sarawak dan Sabah dan juga organisasi masyarakat sivil (CSO).

Sejak tahun 2020 sehingga 2023, APPGM-SDG telah menjalankan kajian lapangan di 85 kawasan parlimen di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Berdasarkan proses dan hasil kajian tersebut, pihak APPGM-SDG telah mengupas pelbagai isu-isu berkaitan insiden kemiskinan yang dijadikan panduan dalam aktiviti advokasi dasar yang dijalankan oleh unit kajian dan dasar APPGM-SDG, iaitu *MySDG Center for Social Inclusion* (MySDG-CSI) melalui siri perbincangan kumpulan fokus dasar (FGD) yang telah dianjurkan pada tahun ini.

Bagi meneliti isu-isu berkaitan kemiskinan di Sarawak, empat sesi FGD telah dijalankan sepanjang tahun ini. Berikut adalah ringkasan hasil perbincangan sesi-sesi FGD tersebut.

### 2.1 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Pertama,

29hb Februari 2024

Sesi perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) pertama telah diadakan di Parlimen bersama-sama Ahli-ahli Parlimen dan pasukan penyidik APPGM-SDG pada 29hb Februari 2024 di Kuala Lumpur. Sesi pada 29hb Februari telah dipengerusikan oleh YB Puan Munirah Isnaraissah Munirah Majilis (Ahli Parlimen Kota Belud) dan YB Tuan Rusdan bin Rusmi (Padang Besar) dan turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Parlimen daripada pihak kerajaan dan

pembangking (Lampiran 2 untuk senarai kehadiran). Perbincangan berpaksikan kepada 11 isu kemiskinan yang umum bagi seluruh Malaysia hasil pemetaan isu oleh APPGM-SDG (lihat Lampiran 1.1). Di kalangan 11 isu yang telah dibincang, pembangunan tidak seimbang di wilayah Sabah dan Sarawak telah dikenalpasti sebagai suatu isu penting demi menambahbaik keadaan sosio-ekonomi penduduk-penduduk yang miskin, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Hasil daripada perbincangan ini, semua ahli yang hadir ke perbincangan bersetuju bahawa isu kemiskinan di Sabah dan Sarawak perlu ditangani secara berasingan dan dengan konteks yang berbeza daripada Semenanjung Malaysia. Pendekatan yang berbeza diperlukan kerana kedua-dua wilayah ini mempunyai cabaran unik seperti geografi yang luas, populasi yang terpencar, kekurangan infrastruktur asas, serta ketidakseimbangan dalam pembangunan ekonomi. Dengan memisahkan perbincangan isu kemiskinan mengikut konteks wilayah, diharapkan strategi dan penyelesaian yang lebih berkesan dapat dibangunkan untuk menangani masalah kemiskinan di Sabah dan Sarawak secara lebih holistik.

## **2.2 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Kedua, 17hb Julai 2024**

Sesi FGD berikutnya yang diadakan di Parlimen Malaysia dihadiri oleh Ahli-ahli Parlimen dan wakil- daripada kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan persekutuan. Sesi FGD tersebut dipengerusikan bersama oleh YB Puan Munirah Isnaraissah Munirah Majilis (Kota Belud) dan YB Tuan Rushdan bin Rusmi (Padang Besar) dan turut dihadiri oleh Ahli-ahli Parlimen daripada pihak kerajaan dan pembangkang (lihat Lampiran 3 untuk senarai kehadiran).

Dalam sesi FGD ini, berbeza dengan sesi pertama, tiga isu utama hasil kajian lapangan pasukan penyelidik APPGM-SDG telah dijadikan panduan dalam perbincangan untuk memastikan FGD dijalankan secara lebih berfokus. Isu-isu utama tersebut adalah: 1) ketidakseimbangan pembangunan di Sarawak, 2) Peluang ekonomi (pekerjaan dan perniagaan) yang terhad, 3) Kemiskinan berdasarkan gender (Lampiran 1.3).

Semua wakil kementerian menyatakan bahawa peruntukan terbesar telah diberikan kepada Sarawak. Ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk menangani isu-isu pembangunan dan kemiskinan yang lebih serius di kedua-dua negeri ini, berbanding dengan kawasan lain di Malaysia. Walau bagaimanapun, beberapa Ahli Parlimen menegaskan bahawa terdapat keperluan untuk memastikan peruntukan tersebut digunakan dengan cekap dan mencapai

sasaran dan mengambil kira keadaan geografi Sarawak yang luas kerana masih banyak kawasan yang tidak mendapat limpahan ekonomi dari inisiatif yang dinyatakan.

### **2.3 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Ketiga,**

2hb September 2024

Sesi perbincangan ketiga dijalankan secara atas talian. Berbeza dengan sesi FGD ke 2, sesi memfokuskan isu-isu kemiskinan Sarawak secara khusus. Sesi ini dimudahcarakan oleh Pengarah MySDG-CSI dan dihadiri oleh beberapa Ahli Parlimen (rujuk LAMPIRAN 4 untuk senarai kehadiran). Lima isu utama untuk tema kemiskinan di Sarawak yang telah dibincangkan adalah seperti senarai di bawah. Seperti yang telah dibincangkan pada awal laporan ini, isu-isu berkaitan kemiskinan adalah berhubung kait dengan aspek-aspek sosioekonomi yang meluas dan keadaan ini diketengahkan dalam huraian isu-isu tersebut: (Perlu masukkan sebagai Lampiran 1.4)

#### **Isu 1: Isu Dokumentasi**

Isu berkaitan dokumentasi dikenal pasti sebagai salah satu penghalang utama kepada penerimaan bantuan dan penyertaan dalam program pembangunan. Kelewatan atau kekurangan dokumentasi menyebabkan individu sukar untuk mendapatkan akses kepada sumber dan peluang yang disediakan oleh kerajaan atau pihak swasta.

#### **Isu 2: Masalah Aksesibiliti (Luar bandar ke bandar)**

Terdapat banyak produk atau pun hasil dihasilkan oleh komuniti luar bandar, namun pemasaran produk ini menghadapi halangan besar. Antara isu yang dibangkitkan termasuk:

- **Jarak ke Bandar:** Kawasan pendalaman menghadapi kesukaran mengakses pasaran bandar kerana jarak yang terlalu jauh, menyebabkan kos pengangkutan yang tinggi untuk usahawan dan petani.
- **Kos Projek:** Dana mikro yang disediakan oleh agensi kerajaan atau NGO biasanya bertujuan untuk menyokong projek berskala kecil yang berimpak tinggi. Namun, di kawasan luar bandar, projek-projek ini tidak dapat dijalankan dengan efektif kerana kos pengangkutan yang tinggi melebihi had dana mikro tersebut. Ini mengehadkan kebolehlaksanaan dan potensi projek, yang akhirnya memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi setempat.

### **Isu 3: Kemiskinan Disebabkan Sikap Dan Pemikiran**

Menurut beberapa ahli parlimen, salah satu faktor yang menyumbang kepada kemiskinan di kawasan ini adalah sikap dan pemikiran yang tidak progresif. Hal ini ditambah dengan tabiat buruk seperti minum arak dan berjudi menjejaskan kebolehpayaan individu untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Mentaliti yang sentiasa berharap kepada bantuan juga menyebabkan usaha untuk membangunkan kemahiran atau perniagaan menjadi terbantut, dan menyebabkan komuniti kurang inovatif dalam mencari peluang baharu.

### **Isu 4: Kekurangan Kemudahan Menggalakkan Aktiviti Ekonomi**

Kekurangan kemudahan asas menyukarkan penduduk untuk melaksanakan kegiatan ekonomi secara berkesan dan berdaya saing di luar bandar dan pedalaman. Sebagai contoh, kekurangan pusat pengumpulan hasil menyebabkan pengeluaran produk terganggu. Walaupun komuniti berminat untuk menghasilkan produk atau hasil tani, mereka menghadapi masalah kerana tiada tempat khusus untuk membeli atau mengumpul hasil pertanian atau produk lain yang dihasilkan.

### **Isu 5: Diskriminasi Dalam Pasaran**

Terdapat dakwaan bahawa wujud diskriminasi pasaran oleh kaum, terutamanya di kawasan seperti Sibu dan Bintulu. Misalnya produk yang dihasilkan oleh komuniti lain atau kaum lain tidak mendapat sambutan di pasaran, dan mereka terpaksa menjual pada harga yang jauh lebih rendah berbanding harga pasaran.

## **2.4 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Keempat,**

2hb Oktober 2024

Pada sesi FGD yang keempat yang diadakan pada 2hb Oktober 2024, sesi dibahagikan kepada dua sesi. Sesi pagi dipengerusikan bersama oleh Ivy Lim Chen Chen, Ketua Bahagian Perancangan Mikro-ekonomi EPU Sarawak dan Dr. Teo Sue Ann, Pengarah MySDG-CSI bersama wakil-wakil kementerian dan agensi yang berkaitan untuk membincangkan pelbagai isu serta inisiatif pembangunan ekonomi di Sarawak. Sesi ini menumpukan kepada program-program yang telah dilaksanakan, cabaran yang dihadapi, serta isu-isu kemiskinan yang masih membelenggu komuniti. Manakala, pada sesi petang pula, beberapa Ahli Parlimen dan Senator turut menyertai sesi FGD dan dipengerusi bersama oleh YB Tuan Mordi anak Bimol dan YB Senator Puan Susan Chemerai Anding. Hasil perbincangan pada sesi ini mendapati bahawa pelbagai inisiatif dan program telah dijalankan oleh setiap

kementerian untuk membangunkan ekonomi komuniti di Sarawak. Namun, meskipun terdapat usaha daripada pihak kerajaan, beberapa isu utama seperti di bawah:

**Isu 1: Keciciran Pendidikan disebabkan Kemiskinan**

**Isu 2: Jurang besar dari segi pendapatan.** Terdapat Jurang gaji yang ketara wujud antara pekerja di Semenanjung Malaysia dan Sarawak.

**Isu 3: Masalah aksesibiliti (Luar bandar ke bandar)**

Disebabkan oleh jarak jauh dari kawasan luar bandar ke bandar, ia menyukarkan proses jualan. Walaupun ada program hiliran dan projek fertigasi di kampung, akses ke pasaran masih terhad.

**Isu 4: Kemiskinan Disebabkan Sikap Dan Pemikiran**

**Isu 5: Migrasi dari luar bandar ke bandar.** Industri sering bergantung kepada pekerja asing untuk pekerjaan 3D (dirty, dangerous, demeaning) menyebabkan penduduk tempatan Sarawak berhijrah ke Semenanjung atau keluar negara.

**Isu 6: Isu dokumentasi.** Peluang pekerjaan juga terbatas bagi individu yang berstatus tanpa kerakyatan (statelessness), di mana kerajaan negeri mempunyai kuasa yang terhad untuk menangani isu ini.

Huraian lanjut untuk setiap isu di atas boleh dirujuk di Lampiran 1.4.

Ahli Parlimen, Senator dan ahli mesyuarat yang hadir pada sesi ini berpendapatan bahawa walaupun dengan pelbagai inisiatif dirancang dan dilaksanakan, namun maklumat terperinci berkenaan inisiatif tersebut tidak sampai ke akar umbi menyebabkan mereka tidak mendapat faedah daripada inisiatif tersebut.

### **3. DAPATAN UTAMA: MAKLUM BALAS AGENSI KERAJAAN DAN AHLI-AHLI PARLIMEN**

Terangkumnya, hasil daripada FGD bersama Ahli Parlimen terlibat dan wakil agensi-agensi kerajaan, terdapat tiga isu keutamaan dikenal pasti, iaitu: 1) Masalah aksesibiliti; 2) Migrasi dari luar bandar ke bandar; dan 3) Kemiskinan Disebabkan Sikap Dan Pemikiran

### 3.1 Masalah Aksesibiliti (Luar Bandar Ke Bandar)

Salah satu isu utama yang dibangkitkan sepanjang siri FGD yang dijalankan adalah masalah aksesibiliti pasaran antara kawasan luar bandar dan bandar sering menjadi halangan utama kepada usahawan dan petani untuk memasarkan produk dan hasil tani mereka. Menurut Ahli Parlimen, usahawan dan petani tempatan yang menjalankan projek ekonomi sering kali mendapati bahawa keuntungan mereka berkurangan akibat kos pengangkutan yang tinggi. Produk mereka menjadi kurang kompetitif di pasaran kerana harga jualan yang lebih tinggi untuk menampung kos tersebut, berbanding produk serupa dari kawasan yang mempunyai kos pengangkutan yang lebih rendah.

Punca utamanya adalah disebabkan oleh saiz Wilayah Sarawak yang besar. Menurut wakil dari Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pelabuhan Sarawak Sarawak, disebabkan kawasan yang besar masih banyak kawasan, terutamanya di kampung-kampung yang terpencil pembinaan jalan memakan masa agak lambat disebabkan pembinaan jalan mungkin tidak '*cost efficient*' dan kesan limpahan yang tidak disebabkan populasi yang sedikit. Selain itu, projek berskala kecil yang dibiayai oleh dana mikro seringkali tidak mampu memberikan impak ekonomi yang signifikan disebabkan kos pengangkutan yang tinggi.

### 3.2 Migrasi dari luar bandar ke bandar

Migrasi dari luar bandar ke bandar merujuk kepada pergerakan penduduk daripada kawasan luar bandar ke kawasan bandar. Berdasarkan perbincangan FGD, salah satu isu yang dihadapi adalah *brain drain*, di mana ramai tenaga mahir dari Sarawak memilih untuk berhijrah dan bekerja di Semenanjung Malaysia atau di luar negara, seperti di Singapura. Keadaan ini menyebabkan kehilangan bakat dan kepakaran yang berpotensi memperlambatkan pembangunan ekonomi serta kemajuan industri di Sarawak terutamanya di kawasan luar bandar.

Punca migrasi ini antaranya ialah jurang gaji yang ketara wujud antara pekerjaan di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Menurut wakil dari **Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak**, jawatan profesional seperti jurutera di Semenanjung boleh menerima gaji permulaan sehingga RM4,000, manakala jurutera di Sarawak dengan kelayakan yang sama hanya memperoleh gaji minimum RM2,200. Situasi ini menunjukkan ketidaksamaan dalam peluang ekonomi, yang mungkin memberi kesan negatif kepada daya tarikan profesion kejuruteraan di Sarawak. Ketidaksamaan gaji ini berpotensi mengurangkan minat pelajar untuk menceburi bidang kejuruteraan dan bidang



kritikal lain, sekali gus menyumbang kepada masalah *brain drain* di mana individu berkecenderungan lebih memilih untuk bekerja di tempat lain yang menawarkan ganjaran yang lebih baik.

Selain daripada itu, industri seringkali bergantung kepada pekerja asing untuk mengisi kekosongan dalam pekerjaan 3D (kotor, berbahaya, dan sukar) serta mengadu mengenai kurangnya minat daripada warga tempatan. Walau bagaimanapun, menurut wakil dari **Jabatan Buruh Negeri Sarawak**, ramai warga tempatan dilihat bersedia untuk bekerja dalam sektor 3D di luar negara, seperti Singapura, di mana gaji yang ditawarkan adalah lebih tinggi. Isu sebenar bukanlah berkaitan dengan jenis pekerjaan itu sendiri, tetapi lebih kepada kadar gaji dan ganjaran yang ditawarkan kepada pekerja tempatan yang kurang kompetitif.

Wakil daripada **Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak** menyatakan bahawa migrasi golongan muda ke bandar turut menyumbang kepada penurunan produktiviti di kawasan pelancongan. Hal ini kerana kebanyakan pengendali pelancongan di kawasan tersebut terdiri daripada golongan warga emas, yang tidak mampu menguruskan aktiviti fizikal seperti mendaki bukit atau aktiviti lain, disebabkan keterbatasan tenaga dan usia.

### 3.3 Kemiskinan Disebabkan Sikap Dan Pemikiran

Laporan daripada **Unit Perancang Ekonomi Sarawak (EPU Sarawak)** menyatakan bahawa masih terdapat segmen penduduk yang dikategorikan sebagai miskin tegar, terutamanya kerana ketiadaan pendapatan tetap. Antara komuniti yang paling terkesan ialah komuniti Penan, yang secara tradisinya bergantung kepada hasil hutan dan pertanian sara diri. Kehidupan mereka yang terikat dengan cara hidup nomad dan ekonomi sara diri menjadikan mereka amat bergantung kepada sumber alam sekitar dan tidak mempunyai akses yang mencukupi kepada peluang pekerjaan atau pasaran ekonomi yang lebih luas.

Salah satu cabaran utama dalam usaha membasmi kemiskinan dalam komuniti seperti Penan adalah mengubah mentaliti dan cara hidup tradisional yang telah berakar umbi selama berabad-abad. Komuniti Penan, yang masih bergantung kepada cara hidup nomad dan ekonomi sara diri, sering menghadapi kesulitan untuk menyesuaikan diri dengan pembangunan yang memerlukan pendapatan tetap dan kemahiran baru. Selain dari itu, wakil **Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan** mendakwa terdapat juga bantuan keusahawanan untuk golongan B40, berupa pinjaman tanpa faedah.

Namun, maklum balas yang diterima menunjukkan bahawa permintaan terhadap pinjaman ini tidak begitu tinggi, sebaliknya, ramai yang lebih berminat untuk mendapatkan geran yang tidak perlu dibayar and mengharapkan bantuan.

Beberapa ahli parlimen telah menyuarakan kebimbangan bahawa sikap dan tabiat negatif seperti minum arak dan berjudi memberi kesan yang besar terhadap kebolehpayaan individu untuk memperbaiki taraf hidup mereka, terutamanya dalam kalangan golongan yang hidup dalam kemiskinan.

### 3.4 Isu Dokumentasi

Peluang pekerjaan yang terhad sering menjadi masalah yang dihadapi oleh golongan tanpa kewarganegaraan, terutamanya di Sarawak. **Majlis Adat Istiadat** Sarawak menjelaskan masalah ini timbul kerana kekurangan dokumen rasmi yang diiktiraf oleh kerajaan, mengakibatkan mereka sukar mendapatkan pekerjaan formal. Salah satu punca utama yang dibangkitkan adalah amalan perkahwinan adat atau perkahwinan kampung, yang tidak didaftarkan secara rasmi. Ini menyebabkan anak-anak yang dilahirkan dalam perkahwinan tersebut berdepan masalah mendapatkan sijil kelahiran atau dokumen pengenalan diri yang sah, lalu menjadikan mereka tergolong dalam kategori tanpa kewarganegaraan.

Setakat hari ini Sarawak mempunyai kuasa yang terhad dalam menangani isu kewarganegaraan dan status tanpa negara, kerana kuasa utama dalam hal ini terletak di bawah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Hal ini menyebabkan mereka kekal terpinggir daripada sistem ekonomi formal, dan kerajaan Sarawak tidak mempunyai kuasa untuk memberikan penyelesaian sepenuhnya tanpa campur tangan atau persetujuan JPN.

## 4. CADANGAN DASAR DAN JALAN KE DEPAN

Berdasarkan sesi-sesi FGD yang telah diadakan, beberapa cadangan untuk memastikan pembangunan di Sabah yang lebih adil dan inklusif telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen dan kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat. Cadangan-cadangan tersebut dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bahagian ini.

#### 4.1 Galakan Inisiatif Ekonomi Koperatif

Galakan inisiatif ekonomi koperatif adalah langkah strategik untuk menyelesaikan isu aksesibiliti yang dihadapi oleh pengeluar kecil dan petani di kawasan luar bandar. Inisiatif ini merangkumi pelbagai pendekatan, termasuk pemasaran koperatif, di mana sekelompok pengeluar atau perniagaan kecil bekerjasama untuk memasarkan produk mereka. Selain itu, inisiatif koperatif ini termasuklah mewujudkan pusat pengumpulan untuk mengoptimumkan proses pemasaran dan menjana pendapatan yang lebih baik bagi pengeluar tempatan yang menyokong **SDG 1** (Tiada Kemiskinan) dan **SDG 8** dengan meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan. Seterusnya berpaksikan kepada aspirasi **SDG 17**- Perkongsian untuk Mencapai Matlamat, di mana inisiatif ekonomi koperatif bakal menggalakkan kerjasama dengan sektor swasta untuk memudahkan akses kepada pasaran dan pembiayaan untuk projek koperasi.

Inisiatif ini juga perlu menekankan usaha untuk mengubah mentaliti masyarakat bagi mendorong mereka agar lebih proaktif dan terbuka kepada peluang dalam kerjasama ekonomi. Dengan memberikan penekanan kepada nilai-nilai kerjasama, sokongan terhadap produk tempatan, dan manfaat yang boleh diperoleh melalui penglibatan dalam koperasi, masyarakat dapat memahami potensi besar yang ada dalam usaha kolektif.

#### 4.2 Inisiatif Untuk Mengurangkan Migrasi Luar Bandar Ke Bandar

Kebiasaannya aduan yang diterima daripada pengusaha industri adalah berkenaan warga tempatan yang enggan bekerja di sektor 3D. Hal ini memberikan ruang kepada mereka untuk bergantung dengan pekerja warga asing. Oleh itu, terdapat cadangan untuk membuat kajian lebih menyeluruh dan mendalam berkenaan punca warga tempatan tidak mahu bekerja dalam pekerjaan 3D. Dengan mendapatkan pemahaman yang lebih baik mengenai halangan yang dihadapi oleh warga tempatan, strategi yang lebih berkesan untuk meningkatkan penyertaan mereka dalam sektor 3D dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dapat dicadangkan.

Inisiatif untuk menggalakkan penglibatan belia dalam pembangunan ekonomi akar umbi perlu diperhebatkan bagi meningkatkan kesejahteraan komuniti. Wakil dari Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak mencadangkan agar komuniti, khususnya belia, terlibat dalam pelancongan berasaskan komuniti (CBT). Dengan melibatkan belia dalam pelancongan, mereka dapat mempelbagaikan penawaran produk pelancongan, menjana lebih banyak peluang pekerjaan, dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi

tempatan. Selain itu, penglibatan belia dalam usaha memulihara dan menghidupkan semula pengetahuan tradisional dan budaya setempat adalah penting untuk memastikan warisan budaya kekal relevan dan dihargai. Inisiatif ini bukan sahaja membantu dalam pembangunan ekonomi tetapi juga memperkukuh identiti dan kebudayaan komuniti, selaras dengan **SDG 4** (Pendidikan Berkualiti) dan **SDG 8** (Pekerjaan yang Layak dan Pertumbuhan Ekonomi). Dengan melibatkan belia, kita dapat membentuk masa depan yang lebih mampan dan inklusif untuk semua.

### **4.3 Desentralisasi dalam Pengurusan Kewarganegaraan**

Terdapat cadangan untuk desentralisasi dalam pengurusan kewarganegaraan agar menjadi pendekatan yang berkesan untuk meningkatkan akses dan kecekapan dalam proses pengesahan kewarganegaraan, sambil memastikan bahawa hak dan tanggungjawab setiap individu dihormati dan dilindungi. Menurut Majlis Agama Islam Sarawak, desentralisasi kuasa dalam pengurusan kewarganegaraan juga boleh diperincikan kepada beberapa aspek tertentu yang berkaitan dengan warga negara misalnya perkahwinan. Oleh itu, proses yang lebih dekat dengan masyarakat membolehkan penyelesaian pertikaian berkaitan kewarganegaraan dilakukan dengan lebih baik dan cepat untuk menciptakan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan masyarakat yang lebih inklusif. Ini secara tidak langsung menyokong **SDG 1**: meningkatkan akses individu kepada peluang pekerjaan dan perkhidmatan asas, yang dapat membantu mengurangkan kemiskinan, **SDG 4**: memberi peluang kepada individu untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik dan mengembangkan kemahiran yang diperlukan untuk pasaran kerja, **SDG 10**: Mengurangkan ketidaksamaan dengan memberi perhatian kepada golongan terpinggir dan memastikan hak mereka dihormati dan **SDG 16**: Meningkatkan keadilan sosial dengan memastikan proses pendaftaran kewarganegaraan adalah adil dan tidak diskriminatif.

## RUJUKAN

Bharian. (2024, 4 Julai). Empat negeri catat kemiskinan melebihi paras nasional jadi tumpuan. Berita Harian.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/07/1265527/empat-negeri-catat-kemiskinan-melebihi-paras-nasional-jadi-tumpuan>

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). Laman Web Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. Diambil dari <https://www.dosm.gov.my>.

**Sustainable Development Solutions Network (SDSN)**. (n.d.). *Sustainable Development Goals (SDGs)*. Diambil dari <https://sustainable-development-goals-sdsn.hub.arcgis.com>.

## LAMPIRAN 1: RANGKUMAN ISU-ISU UTAMA, MAKLUM BALAS, CADANGAN

### 1.1 Isu-isu berkaitan Kemiskinan untuk Sesi FGD Pertama bersama Ahli-ahli Parlimen, 29hb Februari 2024

NO.	ISU
1.	<p>Kesukaran mendapat peluang pekerjaan dan perolehan gaji yang rendah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merangkumi golongan yang sukar mendapat pekerjaan atau tiada pekerjaan, seperti kelompok B40, OKU, ibu tunggal, suri rumah, belia dan pelajar, pesara</li> <li>• Ramai golongan belia yang berpendidikan sampai ke tahap menengah sahaja. Ini menyukarkan mereka mendapat pekerjaan yang berpendapatan yang lebih daripada gaji minima</li> <li>• Kesukaran mendapat pekerjaan tetap. Kerja kontrak tidak mempunyai gaji minimum, RM1,500</li> <li>• Eksploitasi pekerja-pekerja OKU dan ibu tunggal</li> </ul>
2.	<p>Sistem sokongan yang kurang baik untuk pekerjaan atau perniagaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh seperti keperluan pasaran yang lebih besar dan rentas kampung/bandar; kuasa membeli pelanggan yang lebih besar; dan jaringan lebih luas</li> <li>• Oleh kerana ramai daripada mereka yang bekerja kontrak, mereka tidak layak untuk mendapat KWSP atau PERKESO daripada majikan</li> <li>• Peniaga-peniaga kecil lazimnya terdiri daripada belia, ibubapa tunggal dan warga emas tidak mendapat perlindungan sosial</li> </ul>
3.	<p>Jurang antara keperluan pekerjaan dan set kemahiran yang dimiliki atau sedia ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keperluan untuk menjalankan latihan untuk kemahiran atau kelayakan baru bagi memenuhi tuntutan pekerjaan dan pasaran semasa/moden</li> <li>• Pelaksanaan program dan pembelajaran bagi latihan semula bagi memajukan kelayakan dan kemahiran yang sedia ada, seperti <i>reskilling</i>, <i>upskilling</i></li> </ul>
4.	<p>Kesejahteraan komuniti di kawasan/kediaman pulau:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perpecahan sosial</li> </ul>

NO.	ISU
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tekanan ekonomi akibat tiada sumber pendapatan</li> <li>• Kemusnahan alam sekitar</li> </ul>
5.	Sokongan formal atau informal untuk bangunkan perniagaan, keusahawanan
6.	Modenisasi dan perubahan struktur ekonomi: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perubahan atau perkembangan dalam sistem ekonomi meninggalkan golongan yang dulunya mempunyai fungsi ekonomi, tetapi kemudiannya menjadi lewah (<i>redundant</i>) atau dipinggirkan</li> <li>• Khususnya, nelayan darat, nelayan laut, petani, pengutip hasil hutan dan tanaman</li> </ul>
7.	Masalah kewangan dan tekanan ekonomi khususnya untuk usahawan kecil tempatan
8.	Pembangunan belia: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan minat dalam pendidikan</li> <li>• Peningkatan minat terhadap kerja hakiki, contoh: pemandu gig, tukang cuci di negara jiran</li> <li>• Isu-isu sosial</li> <li>• Ketidakpadanan antara kemahiran dan latihan Pendidikan</li> </ul>
9.	Kekangan dan kekurangan pemberdayaan ekonomi untuk Orang Asli dan Asal
10.	Mengarusperdanakan gender dalam keadaan kemiskinan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Golongan ibu dan bapa tunggal perlukan sokongan untuk penjanaan pendapatan</li> <li>• Sokongan daripada segi penjagaan anak adalah kurang</li> <li>• Oleh kerana ramai ibubapa tunggal yang bekerja persendirian atau secara informal, ramai daripada mereka tidak layak mendapat sokongan daripada majikan atau Kerajaan</li> </ul>
11.	Pembangunan tidak seimbang (Sabah, Sarawak): <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jalan raya yang tidak tar dan dalam keadaan tidak baik di kampung pedalaman</li> <li>• Kekurangan bekalan air yang dirawat</li> <li>• Kekurangan bekalan elektrik</li> <li>• Ketiadaan kemudahan asas, contoh: bank</li> </ul>

## 1.2 Maklum Balas Isu-isu berkaitan Kemiskinan di Sabah dan Sarawak untuk Sesi FGD Kedua bersama Agensi-Agensi Kerajaan Persekutuan, 17hb Julai 2024

NO.	ISU UTAMA	PENERANGAN	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN/AGENSI KERAJAAN
<b>1. Ketidakseimbangan Pembangunan di Sabah dan Sarawak</b>			
1.1	Isu Kekurangan Infrastruktur Dan Kemudahan Asas	<p>1. Pemboleh daya utama ekonomi (<i>Key economic enabler</i>) yang masih pada tahap yang rendah. Ini termasuk kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air yang masih menjadi isu utama di banyak kawasan Sabah</p> <p>2. Masih banyak kawasan kampung yang belum mempunyai jalan bertar dan dalam keadaan tidak memuaskan. Misalnya di Parlimen Ranau, kawasan pendalaman seperti Ulu Sugut dan Tiang Lama memerlukan kenderaan pacuan 4 roda disebabkan keadaan jalan utama yang tidak berturap, licin dan curam. Hal ini menyebabkan kos pengangkutan ditanggung oleh penduduk, petani dan peniaga tinggi.</p>	<p><b>Kementerian Ekonomi (KE)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjadi keutamaan dalam RMK-12 dan Inisiatif berterusan dalam Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya Sabah dan Sarawak 2040</li> <li>• Usaha berterusan untuk memperluaskan bekalan elektrik dan memperkenalkan sistem grid negeri termasuk sistem alternatif seperti solar hibrid dan hidro kecil di kawasan-kawasan yang bersesuaian.</li> <li>• Meninjau teknologi khusus seperti industri aero-angkasa</li> <li>• Kerajaan negeri boleh mengemukakan <i>wish-list</i> kepada pihak kerajaan melalui kementerian-kementerian berkaitan bagi meneroka projek-projek.</li> </ul> <p><b>Kementerian Komunikasi (KK)</b></p> <p>Untuk infrastruktur, KK telah menjalankan beberapa projek <i>point-of-presence</i> (POP). Fasa 1 telah pun siap dan sekarang projek berada di fasa 2. Setakat ini bagi Sabah masih kosong (disebabkan masalah dengan syarikat) manakala Sarawak telah ada 156 POP.</p>



			<p><b>Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)</b> Fokus MOSTI adalah kepada inovasi sosial melalui Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan mencadangkan untuk mewujudkan Pusat Galakan Inovasi (IDC) di setiap kawasan parlimen untuk menggalakkan inovasi daripada rakyat kepada rakyat. Oleh itu, penglibatan Ahli-Ahli Parlimen adalah penting dalam isu penggalakan inovasi ini.</p> <p><b>Jabatan Kerja Raya</b> Jalan yang berturap adalah sebanyak 5378.669 km, jalan tidak berturap iaitu batu kelikir adalah sebanyak 3492.468 km, dan jalan tanah adalah sebanyak 158.701 km.</p> <p>Berhubung isu utiliti (air) , terdapat 2 isu yang utama: 1) Air yang terawat yang dikendalikan oleh Jabatan Air; dan 2) Air graviti – rakyat Sabah masih suka guna air graviti ini terutamanya di luar bandar. Kemudahan ada, cuma penerimaan daripada rakyat itu berbeza</p> <p>Isu utama adalah dana yang tidak mencukupi</p>
		<p>1. Kawasan kampung, Parlimen dan wilayah Sabah dan Sarawak yang luas menyebabkan projek pembangunan tidak menyeluruh dengan dana</p>	<p><b>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• (2024) Sabah menerima peruntukan terbesar untuk penambahbaikan infrastruktur (RM51 juta)- meliputi</li> </ul>

		pembangunan yang ada tidak mencukupi.	246 projek. Kedua, Sarawak (RM25 juta) - projek sebanyak 133 <ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat majlis-majlis perbandaran staf kekurangan pengetahuan teknikal – tidak berkeupayaan membuat kertas kerja untuk memohon geran/dana</li> </ul>
1.2	Kadar insiden kemiskinan tegar lebih tinggi berbanding negeri lain	1. Indikator dan inisiatif pembasmian kemiskinan di peringkat negeri Sabah	<p><b>Kementerian Kewangan Negeri Sabah</b></p> <p>Prestasi projek yang diberi peruntukan adalah bagus, tapi tidak nampak di peringkat lapangan siapa yang tengok aspek pembasmian kemiskinan</p> <p><b>Sekretariat Sabah Maju Jaya (SMJ), Jabatan Ketua Menteri Sabah</b></p> <p>Kerajaan negeri Sabah telah mewujudkan satu indeks multidimensi. Terdapat 13 indikator kesemuanya. Pelbagai program telah dilaksanakan untuk menghapuskan kemiskinan tegar di Sabah.</p>
<b>2. Peluang Ekonomi (pekerjaan dan perniagaan) yang Terhad</b>			
2.1	Keterbatasan peluang pekerjaan & pendapatan	<p>1. Merangkumi golongan yang sukar mendapat pekerjaan atau tiada pekerjaan, seperti kelompok B40, OKU, ibu tunggal, suri rumah dan belia.</p> <p>2. Sistem sokongan yang kurang baik untuk pekerjaan atau perniagaan</p>	<p><b>Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)</b></p> <p>Berdasarkan MyFuturejobs, 5 bidang tertinggi di Sabah pada tahun 2023 adalah: 1) accommodation and food services (11,600 kekosongan); 2) construction and building (11,000 kekosongan); 3) manufacturing (10,000 kekosongan); 4)</p>

		<p>terutamanya di kawasan luar bandar dan pendalaman.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>3. Jurang antara keperluan pekerjaan dan set kemahiran yang dimiliki atau sedia ada. Graduan dan belia misalnya tidak mempunyai peluang untuk mencari pekerjaan yang sesuai kerana pilihan pekerjaan yang terhad.</li> <li>4. Kecenderungan belia terpaksa berhijrah ke Semenanjung Malaysia untuk mencari pekerjaan yang bergaji lebih tinggi.</li> <li>5. Aktiviti ekonomi terhad - kurangnya aktiviti penghiliran ataupun hiliran (<i>downstream</i>) di Sabah dan Sarawak.</li> </ol>	<p>wholesale, retail and repair of motor vehicle and motorcycle (9,000 kekosongan); dan 5) professional activities – scientific and specialised design activities (7,000 kekosongan). Namun begitu, sambutan terhadap peluang-peluang pekerjaan ini tidak diimbangi oleh supply.</p> <p><b>Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pembangunan Sabah (SEDIA)</b></p> <p>SEDIA juga berusaha untuk meningkatkan daya saing industri-industri di negeri Sabah. Walau bagaimanapun, pihak industri mengalami masalah untuk menarik tenaga kerja. Tetapi pada masa yang sama, kadar pengangguran di negeri Sabah adalah tinggi.</p> <p><b>Yayasan Sabah</b></p> <p>Belia tidak berminat untuk menceburkan diri dalam bidang perladangan - ada yang bertahan selama hanya 3-6 bulan</p>
2.2	Isu dokumentasi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peluang pekerjaan juga terbatas untuk individu yang tidak mempunyai dokumen pengenalan lengkap atau sah. Ketiadaan dokumen menyebabkan ramai yang terlibat dengan keciciran pendidikan dan mempunyai peluang terhad dalam pekerjaan.</li> </ol>	<p>Tidak ada maklum balas berkenaan isu dokumentasi</p> <p>Namun, <b>Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)</b> memberi maklum balas isu kemiskinan dan jarak sekolah menyebabkan keciciran pelajar di luar bandar</p>

<p><b>2.3</b></p>	<p>Program Pembangunan Ekonomi</p>	<p>2. Kekurangan program latihan dan pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar</p>	<p><b>Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI)</b></p> <p>Cabaran yang ada untuk membangunkan sektor pertanian ini adalah dari segi kewangan - Sabah perlu minta dan dapat hanya sedikit peruntukan dan peruntukan lambat turun ke negeri</p> <p><b>Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLB)</b>  Satu lagi kekangan adalah infrastruktur untuk menjalankan program ekonomi di kawasan luar bandar</p> <p><b>Institute for Development Studies (IDS) Sabah</b>  Ekosistem keusahawanan sosial belum ada dan seharusnya fokus kepada ekonomi akar umbi seperti keusahawanan sosial (<i>social entrepreneurship</i>), pelancongan berasaskan komuniti (<i>community based tourism</i>) dan seni dan kebudayaan (<i>arts and culture</i>).</p> <p><b>Kementerian Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah (KePKAS)</b></p> <p>Majlis Pelancongan ada di peringkat daerah dan boleh bekerjasama dengan persatuan-persatuan tersebut. Input patut diambil daripada pihak GLC, sektor swasta dan juga pemain industri tentang bagaimana membangunkan aktiviti ekonomi</p>
-------------------	------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

			<p><b>Yasasan Sabah</b></p> <p>Yayasan telah melatih lebih 20,000 orang dalam sektor kraf tangan tetapi tidak dapat mengkomersialkan sektor tersebut kerana aktiviti kraftangan dilihat sebagai aktiviti masa lapang. Isu tradisi juga menjadi satu faktor. Pengeluaran juga menjadi masalah kerana kraf tangan bergantung kepada kreativiti manusia, sukar untuk kita mesinkan atau modenkan.</p>
<b>3. Kemiskinan berdasarkan Gender</b>			
<b>3.</b>	<b>Kemiskinan berdasarkan gender</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Golongan ibu dan bapa tunggal perlukan sokongan untuk penjanaan pendapatan. Misalnya dapatan APPGM-SDG di beberapa tempat contohnya Parlimen Beaufort, ketua isi rumah wanita lebih miskin daripada ketua isi rumah lelaki.</li> <li>2. Sokongan daripada segi penjagaan anak adalah kurang menyebabkan ramai golongan ibu atau bapa tunggal tidak dapat bekerja tetap.</li> <li>3. Oleh kerana ramai ibubapa tunggal yang bekerja persendirian atau secara informal, ramai daripada mereka tidak</li> </ol>	<p><b>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)</b> telah melaksanakan pelbagai program untuk wanita yang berumur 18 tahun dan ke atas yang merangkumi semua kumpulan isi rumah</p> <p>29 peratus peruntukan Kementerian Pembangunan <b>Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)</b> telah diberikan kepada Sabah dan Sarawak. Dari segi pecahan, rekod pada tahun lepas menunjukkan RM1.6 bilion telah disalurkan kepada Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah itu, Sabah mendapat RM953 dan Sarawak mendapat RM731 juta daripada keseluruhan peruntukan.</p>

		<p>layak mendapat sokongan daripada majikan atau kerajaan.</p> <p>4. Penyertaan wanita dalam ekonomi produktif juga rendah di kawasan luar bandar disebabkan komitmen dan penjagaan keluarga.</p>	
--	--	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--

### 1.3 Pengutamaan Isu-isu berkaitan Kemiskinan di Sarawak untuk Sesi FGD Ketiga (Atas Talian) bersama Ahli-ahli Parlimen Sarawak, 2hb September 2024

ISU UTAMA	PENJELASAN
<b>1. Isu Kebolehcapaian dan Infrastruktur</b>	
1.1 Isu Akses kepada Pasaran	<p>Kawasan Baram yang luas dan masalah kesalinghubungan menyebabkan kesukaran untuk memasarkan produk</p> <p>Tanpa akses jalan yang baik dan infrastruktur, petani sukar untuk membawa produk ke pasaran.</p> <p>Tiada <i>collection center</i> untuk membeli produk menyebabkan kesukaran untuk memasarkan barangan.</p>
1.2 Isu Infrastruktur	<p>Kekurangan infrastruktur seperti jalan raya mengurangkan nilai komersial tanah yang luas seperti Selangau.</p> <p>Kekurangan infrastruktur disebabkan saiz Sarawak yang besar</p>
<b>2. Isu Dokumen dan Penduduk Setinggalan</b>	
2.1 Isu Dokumen	Masih ramai kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan yang sah.
2.2 Penduduk Setinggalan	Terdapat lebih daripada 10,000 penduduk di kawasan setinggalan di Miri.
<b>3. Isu Mentaliti</b>	
3.1 Mentaliti Masyarakat	<p>Penduduk perlu lebih berdikari dan mempunyai motivasi untuk pembangunan diri</p> <p>Cadangan perubahan mentaliti dan sikap untuk mencontohi etika kerja masyarakat Cina di Cameron Highlands yang berjaya tanpa bantuan kerajaan.</p>

	Sikap malas, ketagihan arak, dan judi menyumbang kepada kemiskinan (kemiskinan sebagai pilihan, bukan takdir).
<b>4.0 Inisiatif dan dasar sedia ada</b>	
4.1 Projek skala mikro	Peruntukan mikro misalnya RM40,000 untuk pembangunan aktiviti ekonomi tidak cukup kerana kos pengangkutan yang mahal.
4.2 Kekurangan Pemantauan	Projek terdahulu seperti fertigasi gagal disebabkan tiada pemantauan selepas peruntukan diberikan. Tanpa sokongan berterusan daripada kerajaan atau agensi, petani menghadapi masalah untuk memastikan projek mereka terus berjalan dan berjaya.
4.3 Polisi yang Tidak Sesuai dengan Keperluan Tempatan	Polisi pertanian dan bantuan yang diambil dari Semenanjung Malaysia tidak boleh diaplikasikan di Sarawak kerana keadaan geografi dan sosio-ekonomi yang berbeza. Petani Sarawak memerlukan polisi dan sokongan yang khusus untuk situasi mereka
<b>5. Isu-isu Lain yang Dibincangkan</b>	
5.1 Diskriminasi Pasaran	Diskriminasi pasaran menjadi halangan di mana produk petani daripada komuniti Dayak dan Iban sukar dijual di bandar-bandar seperti Sibu dan Bintulu yang didominasi oleh masyarakat Cina. Mereka terpaksa menjual pada harga yang lebih rendah daripada pesaing (contohnya, cili dijual RM8/kg berbanding RM18/kg oleh penjual Cina).
5.2 Kelangsungan ekonomi Petani	petani menghadapi masalah kelangsungan kerana tidak ada pendapatan stabil. Tanpa sokongan kerajaan atau pusat pengumpulan hasil tani, pemasaran produk menjadi satu cabaran besar.



**1.4 Pengutamaan Isu-isu dan Maklum Balas berkaitan Kemiskinan di Sarawak untuk Sesi FGD Keempat bersama Ahli Parlimen dan Senator Sarawak bersama Kementerian/Jabatan/Agensi Wilayah Sarawak, 2hb Oktober 2024**

NO.	ISU-ISU UTAMA	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN	MAKLUM BALAS/CADANGAN AHLI-AHLI PARLIMEN
1.	Isu Infrastruktur dan Akses Asas	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pembangunan jalan di Sarawak menghadapi cabaran besar kerana keluasan negeri. Ada kawasan yang terlalu terpencil dan dengan kos tinggi kos untuk dibangunkan jalan raya. Sekitar 9.38% kawasan tidak mempunyai akses jalan raya.</li> <li>2. Sarawak jauh lebih besar berbanding Semenanjung Malaysia, jadi fokus seharusnya pada keperluan asas seperti air dan elektrik</li> <li>3. Perhubungan jalan yang tidak mencukupi mempengaruhi pembangunan ekonomi dan penyampaian bantuan.</li> <li>4. Jarak yang jauh dari pusat ekonomi menyukarkan komuniti luar bandar untuk mengembangkan perniagaan kecil-kecilan terutamanya hasil tadi oleh petani dan meningkatkan kos pengangkutan</li> <li>5. Ketiadaan pusat pengumpulan hasil mengakibatkan hasil pertanian sukar dipasarkan dan menyebabkan pendapatan rendah</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kekurangan pemantauan dan koordinasi yang lemah antara agensi, program, dan pihak berkepentingan menyebabkan pelaksanaan inisiatif pembangunan luar bandar tidak berkesan.</li> </ol>

		6. Perhubungan darat yang kurang menyeluruh, terutama untuk kawasan terpencil yang hanya boleh diakses melalui sungai.	
2.	Isu Pasaran Pekerjaan dan Gaji	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Salah satu cabaran utama ialah “brain drain,” di mana bakat Sarawak lebih memilih untuk bekerja di Semenanjung Malaysia atau luar negara kerana perbezaan gaji yang ketara.</li> <li>2. Keutamaan diberikan kepada pekerja asing atau dari luar Sarawak untuk pekerjaan yang boleh diisi oleh penduduk tempatan contohnya industri 3D</li> <li>3. Disebabkan kekurangan pekerja muda, Pengendali pelancongan yang terdiri daripada golongan tua tidak dapat menawarkan produk pelancongan yang melibatkan pelancong dalam aktiviti luar yang memerlukan tenaga fizikal.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Terdapat persepsi bahawa rakyat tempatan tidak mahu bekerja dalam sektor pekerjaan 3D (Dirty, Dangerous, Difficult), seperti pembinaan, perladangan, dan industri kilang. Namun, ini mungkin tidak sepenuhnya benar dan perlu dikaji lebih lanjut.</li> </ol>
3.	Isu Dokumentasi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ramai individu di kawasan luar bandar, terutamanya di komuniti terpencil atau pedalaman, tidak mempunyai dokumen pengenalan rasmi seperti kad pengenalan (IC) atau sijil kelahiran</li> <li>2. kekurangan dokumen rasmi seperti sijil perkahwinan dan sebagainya yang diiktiraf oleh kerajaan, mengakibatkan mereka sukar mendapatkan pekerjaan formal.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kemiskinan perlu dilihat dari sudut pelbagai dimensi bukan hanya pendapatan semata-mata.</li> <li>2. Terdapat ahli parlimen yang mendakwa bahawa perbezaan ideologi antara Ahli Parlimen (MP) dan kerajaan pusat boleh menimbulkan masalah dalam penyaluran peruntukan</li> </ol>

		3. kekal terpinggir daripada sistem ekonomi formal, dan kerajaan Sarawak tidak mempunyai kuasa untuk memberikan penyelesaian sepenuhnya tanpa campur tangan atau persetujuan JPN	3. Kategori miskin adalah kategori yang perlu fokus untuk jangka masa panjang kerana ini adalah kategori yang lebih besar berbanding kategori miskin tegar.
4.	Kemiskinan Disebabkan Sikap Dan Pemikiran	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Komuniti di kawasan pedalaman masih berhadapan dengan masalah kemiskinan tegar namun masih ada yang menolak pembangunan disebabkan kebergantungan dengan sumber alam dan masih menjalankan aktiviti ekonomi sara diri</li> <li>2. Mentaliti masyarakat perlu diubah untuk menyokong transformasi, seperti beralih kepada pertanian.</li> <li>3. Terdapat komuniti luar bandar menunjukkan sikap terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan atau NGO. Mereka lebih memilih menerima bantuan berbanding berusaha sendiri untuk keluar dari kemiskinan.</li> </ol>	1. Ahli parlimen, agensi kerajaan, dan pihak berkaitan perlu mengubah pemikiran mereka untuk menyedari bahawa pembangunan dan bantuan kepada masyarakat luar bandar memerlukan kerjasama yang menyeluruh. Sering kali, agensi kerajaan dan pihak berkaitan mempunyai pendekatan silo atau terasing dalam melaksanakan projek-projek.
5.	Inisiatif dan dasar sedia ada	1. Terdapat keperluan untuk menilai semula keberkesanan bantuan-bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan. Banyak program bantuan tidak mencapai sasaran sepenuhnya atau tidak memberi impak jangka panjang yang diperlukan untuk membasmi kemiskinan.	1. Maklumat mengenai bantuan-bantuan yang disediakan oleh kerajaan atau agensi-agensi berkaitan tidak sampai kepada golongan yang memerlukan. Ada yang berusaha mendapatkan bantuan dengan pergi ke pejabat agensi, namun tidak dapat

			memenuhi keperluan kerana mereka tidak tahu apa dokumen atau syarat yang diperlukan untuk memohon
--	--	--	---------------------------------------------------------------------------------------------------

**LAMPIRAN 2: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL  
UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR PERTAMA – 29hb Februari 2024**

<b>NO.</b>	<b>AHLI PARLIMEN</b>	<b>ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL</b>
1	YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy - Kota Belud (Pengerusi Bersama)	APPGM-SDG
2	YB Tuan Rushdan bin Rusmi - Padang Besar (Pengerusi Bersama)	Malaysian-CSO SDG Alliance
3	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan - Tasek Gelugor	Yayasan Kajian dan Pembangunan Masyarakat
4	YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas - Mersing	PROHAM
5	YB Dr. Hajah Halimah Ali - Kapar	FOMCA
6	YB Tuan Mordi anak Bimol - Mas Gading	PRISMA
7	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid - Bukit Bendera	PSSM
8	YB Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor - Temerloh	URBANICE Malaysia
9	YB Dr. Siti Mastura binti Muhammad - Kepala Batas	
10	YB Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi - Kuala Langat	

**LAMPIRAN 3: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN KEMENTERIAN, JABATAN, AGENSI KERAJAAN UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KEDUA – 17hb Julai 2024**

<b>NO.</b>	<b>AHLI PARLIMEN</b>	<b>KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN</b>
1	YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy – Kota Belud	Kementerian Ekonomi (KE)
2	YB Tuan Rushdan Rusmi - Padang Besar	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
3	YB Dr. Haji Abd Ghani bin Ahamd - Jerlun	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM)
4	YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin Bin Abas - Mersing	Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)
5	YB Tuan Mordi anak Bimol - Mas Gading	Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM)
6	YB Datuk Ali anak Biju - Saratok	Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)
7	YB Tuan Jamaludin - Pasir Salak	Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI)
8	YB Dr. Hajah Halimah Ali - Kapar	Kementerian Komunikasi (KOMUNIKASI)
9	YB Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shein - Julau	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
10	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan Harun - Hulu Selangor	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
11		SME Corp. Malaysia
12		Jabatan Pembangunan Wanita

**LAMPIRAN 4: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL  
UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KETIGA – 2hb September 2024**

NO.	AHLI PARLIMEN	ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL
1	YB Tuan Chiew Choon Man - Miri (Diwakili oleh Marilyn Kunn)	APPGM-SDG
2	YB Tuan Edwin Anak Banta - Selangau	
3	YB Datuk Willie Anak Mongin - Puncak Borneo	
4	YB Dato' Anyi Ngau - Baram	
5	YB Mordi Anak Bimol - Mas Gading	
6	YB Puan Rodiyah Sapiee - Batang Sadong	

**LAMPIRAN 5: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN KEMENTERIAN, JABATAN, AGENSI  
KERAJAAN UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KETIGA –  
2hb Oktober 2024**

NO.	AHLI PARLIMEN	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN
1	YB Mordi Anak Bimol - Mas Gading	EPU Sarawak
2	YB Senator Susan Chemerai Anding (Ahli Dewan Negara)	Ketua Bahagian Pembangunan Bandar dan Luar Bandar
3	Dato' Sri Rohani Abdul Karim (Penasihat Persatuan Promosi Matlamat Pembanguna Lestari (PPMPL)	M-FICORD
4		Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) Sarawak

5		Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak (MEITD)
6		Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak (MPHLG)
7		Kementerian Belia , Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak (MYSED)
8		Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Sarawak (MINTRED)
9		Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Sarawak (MUDeNR)
10		Kementerian Pelancongan , Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP)
11		SME Corp. Malaysia
12		Jabatan Pembangunan Wanita
13		Kementerian Uility dan Telekomunikasi Sarawak (MUT)
14		Kementerian Pengangkutan Sarawak (MOTS)
15		Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS)
16		Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS)
17		Jabatan Pertanian Sarawak (DOA)
18		Pejabat Residen Bahagian Serian
19		Pejabat Residen Bahagian Kapit
20		Pejabat Residen Bahagian Mukah
21		Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS)
22		Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak
23		Social Economic Development, RECODA
24		UNDP



25		Sarawak Energy Berhad (SEB)
26		Yayasan Sarawak
27		Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC)



**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari (PPM-023-14-07012020)**

📍 A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen  
8 Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ [secretariat@appgm-sdg.com](mailto:secretariat@appgm-sdg.com)

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>

